



31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 367

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (AKAUN SIMPANAN SHARIAH)
(PINDAAN) 2018

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND
(SIMPANAN SHARIAH ACCOUNT)
(AMENDMENT) RULES 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(AKAUN SIMPANAN SHARIAH) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(*da*) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Akaun Simpanan Syariah) (Pindaan) 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan kaedah 5

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Akaun Simpanan Syariah) 2016 [*P.U. (A) 216/2016*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 5 —

(*a*) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“ (1) Mana-mana ahli Kumpulan Wang yang berniat untuk membuat pemilihan hendaklah —

(*a*) hadir di mana-mana pejabat Lembaga atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dan hendaklah mengemukakan suatu notis pemilihan kepada Lembaga untuk membuat pemilihan; atau

(*b*) membuat pemilihan dengan mengemukakan kepada Lembaga suatu notis pemilihan melalui dalam talian.”; dan

(b) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“ (2) Apabila membuat pemilihan di bawah subkaedah (1), ahli Kumpulan Wang itu hendaklah mengesahkan identitinya —

(a) dengan mengemukakan dokumen pengenalannya, jika pemilihan dibuat mengikut perenggan (1)(a); atau

(b) mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, jika pemilihan dibuat mengikut perenggan (1)(b).”.

Pindaan kaedah 6

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 6—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“ (1) Tertakluk kepada subseksyen 43A(4) Akta, seorang ahli Kumpulan Wang yang berniat untuk membatalkan pemilihannya hendaklah—

(a) hadir di mana-mana pejabat Lembaga atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dan hendaklah mengemukakan suatu notis pembatalan kepada Lembaga untuk membatalkan pemilihan itu; atau

(b) membuat pembatalan pemilihan dengan mengemukakan kepada Lembaga suatu notis pembatalan melalui dalam talian.”;

(b) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“ (2) Apabila membuat pembatalan pemilihan di bawah subkaedah (1), ahli Kumpulan Wang itu hendaklah mengesahkan identitinya —

- (a) dengan mengemukakan dokumen pengenalannya, jika pembatalan pemilihan dibuat mengikut perenggan (1)(a); atau
- (b) mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, jika pembatalan pemilihan dibuat mengikut perenggan (1)(b).”; dan
- (c) dalam subkaedah (3), dengan memotong perkataan “yang ditandatangani oleh ahli Kumpulan Wang”.

Dibuat 28 Disember 2018
[KWSP/JUU/003/210 Vol.9: PN(PU2)498/XIV]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND
(SIMPANAN SHARIAH ACCOUNT) (AMENDMENT) RULES 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 73(*da*) of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Simpanan Shariah Account) (Amendment) Rules 2018**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2019.

Amendment of rule 5

2. The Employees Provident Fund Rules (Simpanan Shariah Account) 2016 [*P.U. (A) 216/2016*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 5—

(a) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“ (1) Any member of the Fund who intends to make the election shall—

(a) be present at any office of the Board or at any other place as may be determined by the Board and shall submit an election notice to the Board to make the election; or

(b) make the election by submitting to the Board an election notice via online.”; and

(b) by substituting for subrule (2) the following subrule:

“ (2) When making the election under subrule (1), the member of the Fund shall confirm his identity—

- (a)* by producing his identification document, where the election is made in accordance with paragraph (1)*(a)*; or
- (b)* in such manner as may be determined by the Board, where the election is made in accordance with paragraph (1)*(b)*.”.

Amendment of rule 6

3. The principal Rules are amended in rule 6—

(a) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“ (1) Subject to subsection 43A(4) of the Act, a member of the Fund who intends to revoke his election shall—

- (a)* be present at any office of the Board or at any other place as may be determined by the Board and shall submit a revocation notice to the Board to revoke the election; or
- (b)* make the revocation by submitting to the Board a revocation notice via online.”;

(b) by substituting for subrule (2) the following subrule:

“ (2) When making the revocation of election under subrule (1), the member of the Fund shall confirm his identity—

- (a)* by producing his identification document, where the revocation of the election is made in accordance with paragraph (1)*(a)*; or
- (b)* in such manner as may be determined by the Board, where the revocation of the election is made in accordance with paragraph (1)*(b)*.”; and

(c) in subrule (3), by deleting the words “signed by the member of the Fund”.

Made 28 December 2018
[KWSP/JUU/003/210 Vol.9; PN(PU2)498/XIV]

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Chairman
Employees Provident Fund Board